

## PENUTUP

1. Secara keseluruhannya, setakat 31 Disember 2022, Jabatan Audit Negara telah memuktamadkan sebanyak 141 daripada 145 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2021. Sebanyak 123 penyata kewangan Agensi Persekutuan tahun 2021 telah diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran. Daripada 123 penyata kewangan Agensi Persekutuan tahun 2021 yang diberikan Pendapat Tanpa Teguran, sebanyak 21 Sijil Ketua Audit Negara mempunyai perenggan Penegasan Perkara. Selain itu, sebanyak 18 penyata kewangan Agensi Persekutuan telah diberikan Pendapat Berteguran. Sebanyak empat penyata kewangan lagi masih dalam proses pengauditan.
2. Pelaporan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 menekankan kepada enam perkara utama, iaitu Lebihan atau Kurangan Terkumpul; Kebergantungan Agensi Persekutuan kepada Pinjaman; Terimaan Tidak Dikenal Pasti; Prestasi Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari; Aset Luar Jangka dan Liabiliti Luar Jangka; dan Kesan Pandemik Covid-19. Analisis tersebut dibuat terhadap 123 penyata kewangan Agensi Persekutuan yang telah dikeluarkan Sijil Tanpa Teguran. Selain itu, analisis bagi Aset Luar Jangka dan Liabiliti Luar Jangka serta Kesan Pandemik Covid-19 pula dibuat terhadap 141 penyata kewangan Agensi Persekutuan yang telah dikeluarkan Sijil Ketua Audit Negara.
3. Selain itu, pengauditan pematuhan telah dilaksanakan terhadap lapan Agensi Persekutuan yang melibatkan lapan tajuk. Antara perkara yang dilaporkan adalah melibatkan isu pembayaran tidak teratur dan kehilangan hasil Kerajaan yang menyebabkan ketirisan wang awam serta isu pengurusan signifikan yang berlaku akibat ketidakpatuhan terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan.
4. Kerjasama dari semua peringkat termasuk di peringkat agensi serta pemantauan berterusan yang efektif di peringkat kementerian diperlukan untuk memastikan disiplin kewangan dilaksanakan dengan teratur. Penyediaan prosedur kerja yang jelas, pemahaman dan pematuhan kepada peraturan kewangan serta penyeliaan rapi terhadap tugas pegawai akan mewujudkan amalan dan budaya kerja yang berkualiti dan berintegriti. Perkara ini bertujuan memastikan ketidakpatuhan seperti yang dilaporkan dapat dikurangkan atau tidak berulang pada masa hadapan.

5. Setiap Agensi Persekutuan perlu mematuhi undang-undang/peraturan/polisi kewangan yang telah ditetapkan dan yang berkuat kuasa serta rekod perakaunan yang berkaitan hendaklah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Selain itu, pengetahuan dan kemahiran pegawai hendaklah dipertingkatkan dalam pengurusan kewangan dan pemahaman piawaian perakaunan. Pengauditan yang dijalankan adalah secara pensampelan dan menjadi tanggungjawab Ketua Pegawai Eksekutif/Pengurus Besar/Naib Canselor/Ketua Pengarah untuk memastikan keseluruhan pengurusan kewangan adalah teratur di bawah agensi masing-masing. Tindakan pembetulan dan pencegahan hendaklah diambil bagi mengelakkan kelemahan yang sama atau isu berulang dibangkitkan pada masa hadapan.

**Ketua Audit Negara  
Malaysia**

**Putrajaya  
12 September 2023**